

Headline **Jemaah haji dinasihat pos barang ke tanah air**  
Date **01 Nov 2010**  
MediaTitle **Utusan Malaysia**  
Section **Dlm Negeri**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **197,952 / 833,287**

Language **Malay**  
Page No **5**  
Article Size **240 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **4,743**  
PRValue **14,230**



# Jemaah haji dinasihat pos barang ke tanah air

MERBOK 31 Okt. – Jemaah haji diingatkan supaya tidak menyimpan banyak barang yang dibeli di tanah suci Mekah kerana ia boleh mendatangkan masalah apabila mahu pulang ke Malaysia kelak.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom sebaliknya menasihatkan mereka mengirinkan barang tersebut ke tanah air menggunakan khidmat kurier Pos Malaysia Berhad atau agensi diiktiraf Lembaga Tabung Haji.

Beliau berkata, jemaah tidak perlu bimbang barang berkenaan tidak sampai ke destinasi kerana ia dilindungi insurans.

“Ada jemaah haji membeli barang terlalu banyak dan menyimpannya di dalam bilik sehingga urusan haji selesai. Apabila hendak balik timbul masalah kerana pengendali pesawat menghadkan berat barang yang boleh dibawa.

“Oleh itu, kita minta kerjasama mereka supaya kirimkan barang terlebih dahulu dengan ejen yang sah. Selain mengelakkan lebihan caj bagasi, ia juga menjimatkan dan barang dijamin sampai,” katanya.

Beliau ditemui selepas menyampaikan bantuan kepada 42 mangsa ribut di Kampung Jilid 4, Pengkalan Bujang dekat sini hari ini.

Hadir sama, Penyelaras Parlimen Merbok, Datuk Tajul Urus Md. Zain.

Jamil Khir berkata, jemaah haji yang membuat kiriman barang boleh membuat tuntutan ganti rugi sekiranya ia tidak sampai ke destinasi.

“Sebenarnya syarikat atau ejen kiriman barang bertanggungjawab terhadap semua barang yang diuruskan mereka. Oleh itu, jemaah tidak perlu khuatir,” katanya.

Dalam pada itu, beliau memberitahu, urusan penginapan jemaah haji negara berjalan lancar kerana diuruskan dengan baik oleh Tabung Haji.

“Saya akan bertolak ke sana pada 10 November ini untuk memantau perjalanan jemaah haji kita di sana,” katanya.



**JAMIL Khir Baharom menyampaikan sumbangan kepada salah seorang mangsa ribut sambil diperhatikan Tajul Urus Md. Zain (kiri) di Kampung Jilid 4, Pengkalan Bujang, Merbok, Kedah, semalam. – UTUSAN/OPAT RATTANACHOT**